

PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR SDN BHD (874168-M)
(Anak Syarikat Milik Penuh Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor)

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Tawaran sebutharga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) mengikut syarat-syarat pendaftaran yang berkaitan untuk mengemukakan tawaran bagi menjalankan kerja-kerja berikut:-

TAJUK KERJA	SYARAT – SYARAT PENDAFTARAN	LAWATAN TAPAK	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA	TEMPAT PENJUALAN DAN SERAHAN DOKUMEN
Bil(01)PHSSB/SB/SERUNAI/2022 Sebutharga Bagi Kerja – Kerja Membekal Dan Memasang Jeriji Keselamatan (Grill), Lampu Dan Kipas Serta Yang Berkaitan Dengannya Di Dalam 25 Unit Rumah Kediaman Di Pangsapuri Serunai, Bandar Bukit Raja, Selangor Darul Ehsan.	Berdaftar Dengan CIDB, UPEN & Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor	<u>Tarikh Lawatan Tapak</u> 2 Mac 2022 (Rabu)	<u>Tarikh Tutup</u> 9 Mac 2022 (Rabu 12:00 Tengahari) <u>Harga Dokumen</u> RM50.00 setiap satu (Tidak akan dikembalikan) [Dalam bentuk wang tunai]	<u>Tempat Lawatan Tapak & Penjualan Dokumen</u> Pangsapuri Serunai, Bandar Bukit Raja, Selangor Darul Ehsan. <u>Serahan Dokumen</u> Perumahan Dan Hartanah Selangor Sdn Bhd Tingkat 5, Podium Utara, Bangunan SSAAS, 40503, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Bil(02)PHSSB/SB/SERUNAI/2022 Sebutharga Bagi Kerja – Kerja Membekal Dan Memasang Jeriji Keselamatan (Grill), Lampu Dan Kipas Serta Yang Berkaitan Dengannya Di Dalam 25 Unit Rumah Kediaman Di Pangsapuri Serunai, Bandar Bukit Raja, Selangor Darul Ehsan.	Gred: G1 Kategori : CE Pengkhususan: CE21 (Kerja-Kerja Am Kejuruteraan Awam)	Masa 10:30 pagi		

NOTA DAN PERINGATAN

- Borang sebutharga dijual secara tunai pada harga **RM50.00** setiap satu mulai **2 Mac 2022 bermula 10:30 pagi** dan bayaran ini tidak akan dikembalikan.
- Setiap syarikat hanya layak membeli **SATU (1)** borang sebutharga sahaja dan **DIWAJIBKAN** membawa **surat perwakilan kuasa daripada pemilik, salinan sijil pendaftaran CIDB dan salinan sijil pendaftaran UPEN yang telah dikemaskini serta membawa cop syarikat semasa lawatan tapak dan pembelian dokumen sebutharga.**
- Penyebutharga **DIWAJIBKAN** menghadiri lawatan tapak seperti yang telah dijadualkan bagi memenuhi **SYARAT WAJIB** penyertaan sebutharga.
- Dokumen Sebutharga yang telah diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat **BERLAKRI** dan **BERTANDA** dengan tajuk kerja dan nombor sebutharga berkenaan pada sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga sebelum atau pada **jam 12.00 tengahari 9 Mac 2022** di alamat :-

PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR SDN BHD

Tingkat 5, Podium Utara, Bangunan SSAAS,
40503, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

- Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Pn Aerin Armira Binti Nor Azam di talian 03-55240233.
- PHSSB tidak terikat untuk menerima sebutharga terendah atau sebarang sebutharga atau memberi apa-apa sebab sesuatu sebutharga itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan sebutharga ini.

Tarikh Iklan dikeluarkan : 23hb Februari 2022

Pengurus Besar
Perumahan Dan Hartanah Selangor Sdn Bhd